

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN DI PUSAT IDEA, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Pihak Pusat IDEA, UKM mempelawa Warganegara Malaysia yang berkeelayakan, komited dan berdedikasi untuk berkhidmat di Pusat IDEA bagi jawatan berikut:

1. PEGAWAI TADBIR N41 (KONTRAK) – 1 KEKOSONGAN

Maklumat dan keperluan jawatan adalah seperti berikut:

JAWATAN	: PEGAWAI TADBIR N41
TARAF JAWATAN	: KONTRAK (Pelanjutan tertakluk kepada kewangan projek yang mengizinkan dan prestasi pegawai)
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
TEMPAT	: PUSAT IDEA, UKM BANGI SELANGOR
GAJI	: Jadual Gaji Minimum-Maksimum RM2,080.00 – RM9,546
ELAUN	: Imbuan Tetap Khidmat Awam : RM300.00 sebulan Imbuan Tetap Perumahan : RM300.00 sebulan Bantuan Imbuan Sara Hidup : RM300.00 sebulan

SYARAT LANTIKAN SKIM PERKHIDMATAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur **tidak kurang dari 25 tahun** pada tarikh permohonan;
- c) Kelayakan akademik seperti berikut:
 - i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080); atau
 - ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43)
- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

KEUTAMAAN ADALAH DIBERI KEPADA CALON YANG

- a) Memperolehi Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian (PNGK 3.0 dan ke atas) daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- b) Mempunyai kemahiran komunikasi dengan baik secara lisan dan bertulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- c) Mempunyai pengalaman dalam bidang pengurusan penyelidikan dan inovasi.

- d) Berupaya mengendalikan urusan permohonan atau peluang pelbagai geran penyelidikan di dalam dan luar negara serta berkebolehan menguruskan penganjuran aktiviti rasmi penyelidikan.
- e) Berkemahiran dalam Web Design/Wordpress, Microsoft Office, SPSS dan Data Analitik.
- f) Boleh bekerja di bawah penyeliaan minimum dan berdedikasi serta menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah dan Ketua Pentadbiran dari semasa ke semasa;

DESKRIPSI TUGAS

- a) Menguruskan hal-ehwal pengurusan penyelidikan dan inovasi
- b) Menguruskan hal-ehwal fasiliti teknologi maklumat, laman web dan media
- c) Menguruskan hal-ehwal jaringan, kerjasama dan potensi penajaan
- d) Menguruskan acara dan promosi

CARA MEMOHON:

- a) Menghantar surat permohonan dengan mengemukakan **Latar Diri lengkap dengan menyatakan sekurang-kurangnya dua rujukan berserta sijil/dokumen berkaitan yang telah disahkan melalui emel** kepada:

**Pengarah
Pusat IDEA
Universiti Kebangsaan Malaysia**
di alamat emel: idea@ukm.edu.my

Pemohon perlu menyatakan dengan jelas subjek emel “**Permohonan Jawatan Pegawai Tadbir N41 (Kontrak) Pusat IDEA**” sebelum atau pada **27 Jun 2023 (permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan)**.

- b) Hanya calon-calon **yang disenarai pendek** yang akan dipanggil untuk menduduki **Ujian Psikometrik** dan **calon yang berjaya** akan dipanggil untuk ditemu duga secara dalaman (secara individu/berkumpulan) di Pusat IDEA, UKM Bangi.
- c) Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam **tempoh dua (2) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya. Semua keputusan pemilihan adalah muktamad, sebarang surat menyurat, bantahan dan rayuan tidak akan dilayan.**

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Nor Eloni Nor Azmi
Ketua Pentadbiran
Pusat IDEA
UKM Bangi, Selangor
No.Tel: 0389118263

Tarikh Buka Iklan: 20 Jun 2023 (Selasa)
Tarikh Tutup Iklan: 27 Jun 2023 (Selasa)